



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

PERATURAN 38 (b)

**HANYA DIBUKAKAN BAGI PEMOHON DARIPADA KALANGAN
PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DI KEMENTERIAN / JABATAN DI MANA KEKOSONGAN
JAWATAN DIKLANKAN SAHAJA**

**KETUA WADAR (P.5)
JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 23 OGOS 2023
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 06 SEPTEMBER 2023
BILANGAN IKLAN: 2023/AUG/23**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Penjara**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**KETUA WADAR
JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
P.5 (\$965 - \$1,240 EB KHAS \$1,265 - \$1,365 SEBULAN)
KEKOSONGAN = LIMA (05)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Telah berkhidmat di Jabatan Penjara sebagai Sarjan Wadar dalam tangga gaji P.4 tidak kurang dari tiga (03) tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus Peperiksaan Jabatan.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab mengenai tata tertib dan kecekapan pelaksanaan tugas-tugas pegawai di bawah pengawasan;
2. Sebagai pegawai yang bertugas am secara bergilir-gilir mengikut giliran tugas yang ditetapkan;
3. Membantu pegawai-pegawai kanan dalam tugas-tugas yang tertentu;
4. Menjadi Ketua di Unit-Unit kecil Bahagian Operasi;
5. Menjalankan tugas-tugas lain menurut Akta dan Peraturan-Peraturan serta Perintah-Perintah Tetap yang diperuntukkan; dan
6. Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Pengarah Penjara dan pegawai-pegawai atasan yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa.